

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR-KINI
TARIKH / HARI : 25 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

MBSA didik golongan muda kitar semula

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan kerjasama F&N Beverages Marketing Sdn Bhd mengadakan kempen pertandingan kesedaran kitar semula peringkat sekolah di sekitar perbandarannya.

Pelaksanaannya tertumpu kepada usaha untuk mendidik masyarakat terutama pelajar dan golongan muda terhadap kepentingan amalan kitar semula dalam kehidupan harian.

"Setiap sekolah terlibat diberikan insentif RM200 oleh MBSA sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan penyertaan di dalam pertandingan ini.

"Pertandingan ini berjaya mengumpul berat kutipan barangan kitar semula 121,321.2 kilogram (kg) berbanding pada tahun 2015 yang mengumpul 118,544.9kg barangan kitar semula," kata

MBSA dalam kenyataan, baru-baru ini.

Penganjuran kali ini melibatkan penyertaan lima sekolah tadika dan pra-sekolah, 15 sekolah menengah serta 16 sekolah rendah, malahan F&N Beverages Marketing Sdn Bhd juga menyumbang RM26,000 untuk menjayakan program itu selaku penaja utama.

MBSA turut menerima sumbangan Tetra Pak (Malaysia) Sdn Bhd yang menyumbangkan wang tunai RM1,500 untuk Anugerah Khas Tetra Pak Tertinggi.

Majlis penutup disempurnakan Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad yang turut dihadiri Pengurus Hal Ehwal Korporat F&N Beverages Marketing Sdn Bhd, Puan Caries-Goh, ahli majlis dan pengarah jabatan MBSA.

